



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8/11/2012

# Kenyataan Nurul Izzah dipetik dari *Malaysiakini*, blognya

UM - 8/11/2012

## ■ LAPORAN PORTAL MALAYSIAKINI PADA 3 NOVEMBER 2012

### Nurul: There should be no compulsion in choosing faith

NOV 3, - People should not be compelled to adopt a particular religion and this should also apply to Malays, says Lembah Pantai MP Nurul Izzah Anwar.

"When you ask me, there is no compulsion in religion... how can anyone say sorry, this (religious freedom) only applies to non-Malays, it has to apply equally," she said.

She was speaking at a forum on "Islamic State: Which version; Who's responsibility?" in Subang Jaya this morning.

The Lembah Pantai MP was responding to a question from the floor on whether Malays should have religious freedom like non-Malays.

"Malay" is defined under Section 160(2) of the federal constitution as a person who professes Islam, habi-

tually speaks Malay language and conforms to Malay customs.

Ultimately, she said, what should be sought is "quality" where Muslim's faith is strong.

"Even me, being schooled in Assunta (secondary school) with a huge cross in the hall and active singing Catholic society did not influence me," she said.

However, Nurul Izzah stopped short of saying that Malays should be legally granted religious freedom, saying: "I am, of course, tied to the prevailing views."

To a question on the rights of the lesbian, gay, bisexual and transexual (LGBT) community, Nurul Izzah conceded that as Muslims and even for Catholics, there were limitations.

However, she stressed that the principle for Pakatan Rakyat was that the community should not be victimised.

## ■ KENYATAAN NURUL DALAM BLOGNYA PADA 4 NOVEMBER 2012

### Saya pegang kepada pendirian umum - Nurul Izzah

KUALA LUMPUR 4 Nov. - Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Nurul Izzah Anwar menjelaskan, beliau berpegang kepada pendirian umum sedia ada iaitu setelah memeluk Islam, seorang Muslim tertakluk dengan syariat Islam sebagaimana seorang warganegara tertakluk dengan Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, beliau sama sekali tidak menggalakkan atau menerima murtad.

"Sewaktu sesi soal jawab, salah satu soalan ditanya kepada saya berkait isu paksaan dalam agama melibatkan masyarakat Melayu.

"Jawapan saya menegaskan ungkapan - "Tidak ada paksaan

dalam agama (Islam)...." daripada ayat suci al-Quran, surah al-Baqarah, ayat 256. Ungkapan ini merangkumi seluruh umat manusia," katanya.

Nurul Izzah membuat kenyataan itu menerusi blognya di <http://www.nurulizzah.com> hari ini selepas menerima banyak pertanyaan daripada pengikut laman sosial Twitternya berhubung kenyataan beliau dalam satu forum bertajuk Negara Islam: Versi Mana; Siapa Bertanggungjawab? di Subang Jaya, semalam.

Nurul Izzah dalam forum itu seperti dipetik laporan portal propembangkang, *Malaysiakini* berkata, rakyat tidak seharusnya dipaksa mengamalkan agama tertentu dan perkara itu juga perlu terpakai kepada orang Melayu.